

**DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

**PENGGAL YANG KEDUA
ATORAN URUSAN MESHUARAT
HARI RABU, 20 APRIL, 1960, PUKUL 10.00 PAGI**

Bil. 1

1

**Salinan Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong**

PERTANYAAN² BAGI JAWAB MULUT

***1. Dato' Onn bin Jaafar:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan:

- (a) Samaada Enche' Mohamed Ghazali bin Jawi itu telah di-lantek dengan sa-benar-nya jadi Duta Persekutuan ka-Republik Arab Bersatu;
- (b) Apa-kah kelayakan² Enche' Mohamed Ghazali bin Jawi untuk di-lantek sa-bagai Duta Persekutuan ka-Republik Arab Bersatu.

***2. Enche' Tan Cheng Bee:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan: Jika sa-benar-nya keempat² ferry Pulau Aman, Pulau Pangkor, Pulau Tioman dan Pulau Langkawi berharga lebih kurang \$5 juta di-bayar oleh Surohanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

***3. Enche' Tan Cheng Bee:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan: Apa-kah faktor² yang menyebabkan pesanan keempat² ferry baharu itu di-buat dan di-sediakan di-Hongkong dan siapa²-kah yang bertanggong-jawab bagi memesan ferry² itu.

***4. Enche' Tan Cheng Bee:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan: Samaada beliau akan mengadakan satu penyiasatan berkenaan dengan kerosakan yang selalu sahaja berlaku ka-atas keempat² ferry itu dalam masa yang sengkat sahaja sa-telah ferry² itu di-hantar ka-Surohanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

***5. Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Minta kapada Menteri Dalam menerangkan: Samaada Kerajaan Persekutuan berchadang hendak mengadakan satu Undang² yang tidak berlawanan dengan hukuman shara' atau Ugama Islam, supaya isteri² orang² Islam yang di-cheraikan oleh suami mereka dengan tiada izin atau kesalahan isteri² itu menuntut bayaran sara-hidup daripada bekas suami mereka di-Mahkamah sa-lain daripada nafkah edah daripada suami-nya hingga isteri² itu kahwin mati atau membuat apa² kesalahan yang menasabah?

***6. Datin Fatimah binti Haji Hashim:** Minta kapada Menteri Dalam menerangkan: Jika tiada chadangan di-dalam soalan (5) di-atas tolong nyatakan sebab²-nya dan jikalau ada chadangan bila-kah boleh di-adakan?

***7. Enche' D. R. Seenivasagam:** Minta kapada Menteri Pertahanan menerangkan: Berapa lama dahulu telah Enche' Balan sa-orang tahanan

minta kebenaran hendak pergi ka-Englan bagi mempelajari ilmu Undang² di-sana dan sudah-kah Surohan Jaya Pengkaji mendapat satu keputusan tentang perkara ini.

*8. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kerja Raya Pos dan Talikom menerangkan: Berapa banyak project² yang berharga lebih dari pada \$1,000,000 yang telah di-beri kapada pemborong² dengan tidak di-jemput tender² dan jumlah harga project² yang telah siap.

*9. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kerja Raya Pos dan Talikom menerangkan: Berapa banyak jentera penyejok yang telah di-beli oleh Kerajaan semenjak Merdeka, apa-kah jenis perbuatan yang di-beli dengan banyak sa-kali dan berapa banyak-nya, dan nama gudang yang membekalkan jentera penyejok dengan bilangan yang banyak sekali kapada Kerajaan.

*10. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Perdana Menteri menerangkan: Samaada pemergian Timbalan Perdana Menteri ka-Taiwan yang di-chadangkan itu kerana menghadziri upachara rasmi pembukaan Masjid di-sana atas nama Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau sa-balek-nya.

*11. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Perdana Menteri menerangkan: Siapa-kah menanggong perbelanjaan beliau pergi ka-sana itu.

*12. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Perdana Menteri menerangkan: Ada-kah bagi Timbalan Perdana Menteri hendak membuat lawatan rasmi ka-Taiwan apabila negeri itu tidak mempunyai perhubungan Diplomat dengan Persekutuan.

*13. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kewangan menerangkan: Apa-kah tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan dan apa-kah dasar Kerajaan bagi menolong Bank² Tempatan dan Kompeni² Ansoran melawan gudang² asing yang lebih kuat kedudokkan kewangan-nya yang ada di-dalam negeri ini.

*14. Enche' S. P. Seenivasagam: Minta kapada Perdana Menteri menerangkan: Ada-kah beliau sedar akan tuduhan makan suap atau pun perjalanan yang tidak betul terhadap ahli² yang di-pileh dalam Kerajaan negeri Perak, dan jika jawapan-nya ya apa-kah tindakan yang di-chadangkan-nya untuk di-ambil dalam perkara ini.

*15. Enche' V. Veerappan: Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan: Jika beliau boleh menambah lagi Doktor² dan kemudahan² Ward² di-Rumah Sakit Jajahan Sungai Bakap, kerana memandangkankehendak² yang berlebahan lagi bagi Hospital ini oleh kerana banyak hospital² di-Estate² telah di-tutup di-sebabkan oleh pemecah belahan Estate² itu.

*16. Enche' V. Veerappan: Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan: Samaada beliau akan mengadakan travelling dispensary bagi melawat estate² yang telah di-pechah-belahkan oleh kerana memandangkan kehilangan perhatian perbuatan oleh kerana pemecah belahan Estate² itu.

*17. Enche' K. Karam Singh: Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan: Samaada beliau sedar ia-itu banyak kanak² sekolah kena membayar \$10-\$15 ba-orang bagi tiap² bulan untuk perbelanjaan bus ka-sekolah, kadang² 3 atau 4 orang kanak² yang datang daripada satu keluarga pergi ka-sekolah dan membelanjakan \$30-\$40 sa-bulan, jumlah pendapatan keluarga itu kebanyakkannya hanya di-antara \$80-\$100; jika begitu, minta beliau

menerangkan bagaimana-kah Kerajaan berchadang untuk menyelesaikan masa'alah ini dan membantu kanak² yang miskin yang tinggal jauh daripada sekolah²; mithal-nya dengan mengadakan lebih banyak sekolah lagi berhampiran dengan orang² yang tinggal di-kawasan luar bandar.

*18. **Enche' K. Karam Singh:** Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan: Berapa banyak sekolah² yang ada di-kawasan bandar dan di-kawasan luar bandar dalam Persekutuan Tanah Melayu.

*19. **Enche' K. Karam Singh:** Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan: Jika Kerajaan sedar bahawa pelajaran sekarang ini di-beratkan di-kawasan² bandar dan ini menyebabkan orang² di-kawasan luar bandar ketinggalan dan jika bagitu, samaada Kerajaan berchadang hendak membungunkan lebih banyak lagi sekolah² di-kawasan luar bandar untuk menyelesaikan masa'alah ini.

*20. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan: Apa-kah langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan bagi memenohi segala kehendak² Sekolah Menengah Kebangsaan bagi mendapatkan guru² yang berkelayakan dan bila-kah kehendak² ini di-jangka akan dapat di-adakan.

*21. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan: Samaada penukaran semua Sekolah Menengah kepada Sekolah Menengah Kebangsaan selesai pada tahun 1967, dan jika bagitu, minta beliau memberi keterangan berkenaan dengan dasar dan chara²-nya akan di-gunakan bagi penukaran itu.

*22. **Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan: Boleh-kah bahasa Melayu di-gunakan sa-bagai bahasa penghantar di-semua Sekolah Menengah pada tahun 1967 sa-belum ia-nya di-gunakan di-University Malaya. Jika bagitu apa-kah chara² yang di-chadangkan dan jika tidak, bila-kah ia-nya di-gunakan sa-bagai bahasa penghantar di-University.

PADA PERMULAAN URUSAN² KERAJAAN

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG² KERAJAAN

1. **Menteri Pertahanan :**

Rang Undang² Polis (Pindaan).

2. **Menteri Kewangan :**

Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1960) (Bil. 1).

3. **Menteri Pertahanan :**

Rang Undang² Keselamatan Dalam Negeri.

4. **Menteri Kewangan :**

Rang Undang² Pinjaman² (Bank Pusat Tanah Melayu).

5. **Menteri Dalam :**

Rang Undang² Surat Sumpah.

6. **Menteri Kewangan :**

Rang Undang² Persatuan Kemajuan Antara-Bangsa.

7. **Menteri Perdagangan dan Perusahaan :**

Rang Undang² Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Menanam Sa-hulur).

ATORAN URUSAN MESHUARAT DAN PEMBERITAHU² USUL²

1. Timbalan Perdana Menteri menchadangkan:

Ia-itu menurut perenggan 2 dalam Peratoran Meshuarat 76 sa-buah Jawatan-Kuasa mengandungi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat sa-bagai Pengerusi dan enam orang Ahli² Majlis ini, yang nama-nya sa-bagai berikut, di-lantek jadi Ahli Jawatan-Kuasa Pemileh—

Timbalan Perdana Menteri
Menteri Dalam
Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat
Enche' V. Manikavasagam
Enche' Ahmad Boestamam
Dr. Burhanuddin bin Mohd. Noor

2. Menteri Kewangan menchadangkan:

Ia-itu Yang Berhormat Enche' Ahmad bin Mohamed Shah, S.M.J., di-lantek jadi Pengerusi Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negeri.

3. Dr. Lim Swee Aun menchadangkan:

Ia-itu satu bingkisan di-persembahkan kapada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sa-bagai berikut—

“Duli Yang Maha Mulia,

Patek² Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu di-dalam perhimpunan Parlimen, dengan hormatnya menguchapkan terima kaseh kapada ka-bawah Duli kerana Titah Uchapan pembukaan penggal Parlimen Yang Kedua.”

- | | | | | |
|-----|--|-----|-----|-------------------------|
| 4. | (1/60) Rang Undang ² Surohanjaya Perkhidmatan Awan (Pindaan) | ... | ... | Bachaan kali yang kedua |
| 5. | (2/60) Rang Undang ² Chukai Pendapatan (Pindaan) | ... | ... | .. |
| 6. | (4/60) Rang Undang ² Perlembagaan (Pindaan) | ... | .. | .. |
| 7. | (6/60) Rang Undang ² Pilehan Raya Kerajaan Tempatan | ... | ... | .. |
| 8. | (8/60) Rang Undang ² Kumpulan Wang Bekal Tua Pekerja ² | ... | ... | .. |
| 9. | (11/60) Rang Undang ² Kawasan Penempatan Beramai ² | ... | ... | .. |
| 10. | (9/60) Rang Undang ² Pengesah Surat (Pindaan) | ... | .. | .. |

11. Perdana Menteri menchadangkan:

“Bahawa Majlis ini, di-samping mengaku¹ dengan sa-penoh² nya akan tanggong-jawab Kerajaan Afrika Selatan terhadap dasar² dan pentadbiran di-dalam negeri-nya sendiri, namun demikian bersesuaian dengan pendirian Kerajaan Persekutuan berhubongan dengan penchabulan asas² penting hak² asasi manusia mengikut sa-bagaimana yang di-boktikan dengan pendirian-nya atas perkara Tibet, merakamkan rasa kebenchian yang amat sangat

ka-atas penembakan, dan perbuatan anjaya yang di-lakukan oleh Polis Afrika Selatan kerana melaksanakan dasar² membedza²kan bangsa (apartheid policy), dan menyokong dengan sa-penoh²-nya atas apa jua langkah yang di-fikirkan layak oleh Kerajaan di-dalam hal ini.”

12. Timbalan Perdana Menteri menchadangkan:

Ia-itu Majlis ini, sa-sudah di-perhetongkan keadaan yang berubah² yang seringkali terjadi sa-lepas Merdeka, menerima akan penerangan Kerajaan di atas Penyata Pemereksa Kira² Negara berkenaan dengan kira² Persekutuan bagi tahun yang berakhir pada 31 December, 1958. (Kertas Titah 14/1960).

13. Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menchadangkan:

Ia-itu menurut sharat seksyen (1) dalam Undang² Lembaga Loteri Perkhidmatan Kebajikan Masharakat, 1950, Undang² tersebut muhulah di-panjangkan tempoh-nya sa-lama lima tahun mulai daripada 11 December, 1960.

14. Menteri Kewangan menchadangkan:

Ia-itu Majlis ini dengan serta-merta-nya bertukar jadi Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis bagi menimbangkan perbelanjaan yang di-chadangkan di-dalam Keterangan yang di-bentangkan di atas Meja Meshuarat sa-bagai Kertas Titah Bil. 13, 1960 dan mengeshorkan ada-kah perkara ini akan di-luluskan oleh Majlis ini dengan ada pindaan atau tidak.

15. Dato' Onn bin Jaafar menchadangkan:

Bahawa Rupabangsa Persekutuan Tanah Melayu akan di-kenal sa-bagai “Melayu”.

16. Enche' D. R. Seenivasagam menchadangkan:

Bahawa Majlis memandang berat akan keadaan² yang ada di-Rumah Sakit Otak Pusat, Tanjong Rambutan dan menimbangkan untuk mengadakan satu Surohanjaya Penyiasat bagi menyelidiki, membuat laporan dan shor² bagi membaiki keadaan² yang ada di-Rumah Sakit itu.

17. Enche' Zulkiflee bin Muhammad menchadangkan:

Ia-itu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menarek balek akan pengakuan-nya ka-atas Negeri Israel.

18. Enche' Tan Phock Kin menchadangkan:

Bahawa dengan memandang kapada tugas² yang di-lakukan oleh Jawatan-Kuasa Kira² Wang Negeri Jawatan-Kuasa Peratoran Meshuarat ada-lah di-jemput menimbangkan satu pindaan kapada Peratoran Meshuarat supaya membolehkan Pengerusi dan kebanyakan daripada Ahli-nya di-lantek daripada ahli² pehak Pembangkang.

19. Enche' V. David menchadangkan:

Bahawa Majlis, kerana tersangat-lah bertanggongjawab ka-atas keadaan kuchar-kachir yang sedang berlaku di-dalam hal pentadbiran Kumpulan Wang Bekal Tua Pekerja², dan sedar betapa mustahak-nya menjaga kumpulan wang orang ramai, satu Surohanjaya Penyelidik yang bebas hendak di-adakan untuk menyiasat kuchar-kachir itu.

20. Enche' V. David menchadangkan:

Bahawa Majlis ini memandang dengan berat akan penahanan akan ahli² pertubuhan siasah dengan tidak payah di-bicharakan, dan menetapkan ia-itu sa-buah Jawatan-Kuasa Khas terdiri dari-pada semua pertubuhan siasah di-adakan bagi menimbangkan kemungkinan mereka di-lepaskan.

21. Enche' Ahmad Boestamam menchadangkan:

Bahawa Majlis ini menetapkan ia-itu dalam rancangan Kerajaan memberikan "taraf perintis" kapada perusahaan² baharu dalam negeri ini maka hendak-lah Kerajaan berpegang kuat kepada keempat² dasar yang tersebut di-bawah ini—

- (a) memberi keutamaan kapada modal kebangsaan kalau perebutan untuk mendapatkan taraf perintis itu berlaku antara modal kebangsaan dengan modal asing.
- (b) kalau perebutan itu berlaku antara modal kebangsaan champor modal asing dengan asing tulen² maka keutamaan itu hendak-lah di-berikan kapada modal kebangsaan champor asing itu.
- (c) kalau perebutan itu berlaku antara modal kebangsaan tulen² dengan modal kebangsaan champor asing, maka modal kebangsaan tulen itu-lah harus di-utamakan.
- (d) keutamaan baharu boleh di-berikan kapada modal asing 'tulen² jika modal kebangsaan atau pun modal kebangsaan champor modal asing tidak ada turut dalam perebutan itu.

22. Enche' Zalkiflee bin Muhammad menchadangkan:

Kerajaan hendak-lah mengadakan satu Undang² bahawa sa-sa-orang yang bukan Warga Negara Persekutuan Tanah Melayu tidak di-benarkan bekerja di-Pejabat² Kerajaan dan Gudang² dan Sharikat² perniagaan di-Persekutuan Tanah Melayu ini.

RISALAT² YANG DI-KEMUKAKAN

		1960	Haribulan di-kemukakan
ST. 12	... Bank Negara Tanah Melayu, Laporan dan Penyata Kira ² , 1959	...	1 April, 1960
ST. 10	... Undang ² Pilehan Raya (Mendaftarkan Pengundi ²) (Pindaan), 1960	...	7 April, 1960
Cmd. 10	... Keadaan Kewangan Lembaga Pinjaman ² Pemulih Lombong ² Bijeh Timah China dan Lembaga Kewangan Pemulih Perusahaan pada 31 December, 1959	...	12 April, 1960

PERTANYAAN² BUKAN BAGI JAWAB MULUT

1. Enche' Tan Kee Gak: Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan berapa-kah bilangan penuntut² yang mendapat pangkat "C" dalam Peperasaan Naik ka-Sekolah² Menengah Tanah Melayu.

2. Enche' Tan Kee Gak: Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan berapa-kah banyak-nya daripada penuntut² ini yang telah meminta masok ka-sekolah² menengah, berapa banyak-nya yang telah mendapat tempat² dan berapa banyak-nya yang di-tolak permintaan-nya.

3. Enche' Tan Kee Gak: Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan akan sebab²-nya maka maseh ada lagi keutamaan "Imperial" dan apa-kah kesan²-nya ka-atas ekonomi kebangsaan.

4. Enche' Tan Kee Gak: Minta Kapada Menteri Kenderaan menerangkan bila-kah tarikh-nya di-agakkan baru di-adakan Lembaga Pelabuhan Melaka.

5. Enche' Tan Kee Gak: Minta Kapada Menteri Kenderaan menerangkan sama ada peruntukan wang bagi mendalamkan Sungai Melaka itu dan untuk menjadikan Bandar Melaka sa-bagai sa-buah Pelabuhan yang terbaik bagi kapal² ringgan dan jika ada, bila.

6. Enche' Lee Siok Yew: Minta kapada Menteri Pertanian dan Kerjasama menerangkan berapa-kah luas-nya tanah² di-tanam dengan pokok² kelapa dan pokok² kopi di-Persekutuan Tanah Melayu.

7. Enche' Lee Siok Yew: Minta kapada Menteri Pertanian dan Kerjasama menerangkan berapa-kah ekar-kah daripada tanah yang di-usahakan dengan pokok² kelapa dan pokok² kopi itu yang telah di-tanam sa-mula.

8. Enche' Lee Siok Yew: Minta kapada Menteri Pertanian dan Kerjasama menerangkan berapa-kah bantuan yang di-beri kapada kawasan² tanam sa-mula dan bagaimana-kah wang bantuan itu di-bahagikan.

9. Enche' Lee Siok Yew: Minta kapada Menteri Pertanian dan Kerjasama menerangkan apa-kah langkah² yang sedang di-ambil oleh Kerajaan bagi melindungi dan membantu kedua² Perusahaan ini.

10. Enche' D. R. Seenivasagam: Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan sama ada peruntukan sa-banyak \$332,179 telah di-untukan di-dalam Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1958 bagi membina sa-buah Sekolah Pertukangan Luar Bandar yang hendak di-dirikan di-Temerloh itu, dan jika ada, sudah-kah di-dirikan sekolah ini, dan jika tidak, terangkan sebab-nya maka tiada di-dirikan.

11. Enche' D. R. Seenivasagam: Minta kapada Menteri Kesihatan menerangkan :

- (a) Ada-kah kebenaran memperniagakan Sodium Arsenite telah di-keluarkan kapada sa-orang yang bernama Lim Ee Ngoh daripada Yong Peng, Johor;
- (b) Ada-kah Lim Ee Ngoh yang di-sebutkan itu menyatakan diri-nya di-dalam surat permohonan-nya sa-bagai Pengurus Persatuan Pekebun² Kechil Johor, Chawangan Yong Peng;
- (c) Ada-kah Menteri itu sedar ia-itu pada masa membuat permohonan itu Lim Ee Ngoh yang di-sebutkan itu sa-benar-nya bukan-lah Pengurus Persatuan Pekebun² Kechil, Chawangan Yong Peng;
- (d) Ada-kah beliau sedar ia-itu satu permohonan daripada sa-orang yang bernama Tong Hoe Teng itu-lah yang sa-benar-nya Pengurus Persatuan Pekebun² Kechil Johor, Chawangan Yong Peng;
- (e) Ada-kah beliau akan mengadakan satu penyelidikan dalam perkara ini.

12. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan berapa-kah jumlah orang² tua (lelaki dan perempuan), yang tinggal di-Teratak Orang² Tua di-Ampang, Kuala Lumpur?

13. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan ada-kah mereka ini di-bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masharakat; dan jika benar apa-kah bantuan dan lain²

yang telah, sedang dan akan di-berikan kepada mereka itu; dan jika tidak, kenapa demikian?

14. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan ada-kah beliau sedar ia-itu orang² tua yang tinggal di-Teraak Orang Tua ini terbiar sahaja dan tak pernah diambil tahu oleh Jabatan Kebajikan Masharakat sa-hingga mereka itu salah² berada di-dalam neraka, tak tentu makan, minum, pakaian dan lain² sedang rumah² yang mereka diami itu lebih burok lagi dari kandang kambing dan jika beliau akan membetulkan-nya.

15. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Menteri Luar menerangkan berapa-kah jumlah-nya ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang berada di-Indonesia sekarang ia-itu yang telah mendaftarkan diri mereka di-Kedutaan kita di-sana, berapa orang-kah daripada mereka yang berbangsa Melayu dan berapa orang pula yang tidak?

16. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Menteri Luar menerangkan ada-kah beliau sedar ia-itu ada di-antara ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu di-Indonesia itu hidup dengan meminta sedekah ia-itu dengan menggunakan sa-buah biola dan menyanyi kesana kemari untuk mendapatkan sedekah? Dan ada-kah beliau akan mengambil langkah memberhentikan ini.

17. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Menteri Luar menerangkan ada-kah Kedutaan kita di-Indonesia sentiasa berhubungan dengan keselurohan ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu di-negeri tetangga kita itu untuk mengetahui akan keadaan dan penghidupan mereka itu?

18. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Menteri Dalam menerangkan sudah-kah beliau memberitahu kapada Majlis Perbandaraan Kuala Lumpur perihal tidak ada-nya lampu jalan di-Kampung Dato' Keramat, Kuala Lumpur yang sangat di-perlukan itu sa-bagaimana yang pernah di-janjikan dalam Dewan Ra'ayat ini dalam persidangan di-akhir tahun 1959 dahulu ia-itu sa-telah saya bangkit soal itu, kalau sudah disampaikan kenapa-kah perkara itu maseh di-dalam peti sejok lagi, dan kalau belum kenapa-kah demikian lama terbangkalai-nya?

19. Enche' Ahmad Boestamam: Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan atas alasan apa-kah Kerajaan menolak pembeiran taraf perintis untuk membuat tayar dan tiub motorkar kapada sa-buah sharikat anak-negeri dan sa-balek-nya memberikan-nya kapada Dunlop Rubber Company, dan apa-kah bukti untuk membenarkan alasan atau alasan² Kerajaan itu?

20. Enche' V. David: Minta kapada Perdana Menteri menerangkan berapa-kah bilangan pegawai² berdagang yang bekerja di-Jabatan Kerja Raya, di-Jabatan Talikom, dan di-Jabatan Pos (bilangan-nya hendak-lah diberi berasingan) dan bilangan pegawai² anak negeri dalam bahagian satu di-Jabatan Kerja Raya.

21. Enche' V. David: Minta kapada Perdana Menteri menerangkan berapa-kah bilangan jawatan² kosong di-dalam Jabatan Kerja Raya, yang di-penohi oleh pegawai² berdagang samenjak Merdeka dan bilangan Ra'ayat Persekutuan yang di-tolak permintaan-nya bagi jawatan² dalam bahagian satu.

22. Enche' Ng Ann Teck: Minta kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar menerangkan berapa ekar-kah tanah di-Persekutuan Tanah Melayu yang masch boleh di-usahakan untuk (a) Getah; (b) Kelapa Bali; (c) Saylor²an; dan (d) Padi mengikut masing² negeri.

23. Enche' Ng Ann Teck: Minta kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar menerangkan apa penyiasatan yang telah di-jalankan oleh Kerajaan bagi melaksanakan Ranchangan Kemajuan Tanah mereka.

24. Enche' Ng Ann Teck: Minta kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar menerangkan sama ada hasil penyelidikan itu boleh di-dapati oleh orang ramai.

25. Enche' Ng Ann Teck: Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan ada-kah beliau sedar akan perkara, walau pun wang sa-banyak \$100,000 telah di-untukan di-dalam Anggaran Perbelanjaan 1960 bagi membaiki dan mengganti pondok² atap di-kawasan Penempatan di-Sungai Buloh, hingga hari ini belum lagi di-mulakan kerja² dan penduduk² di-sana ada-lah menderita di-sebabkan oleh keadaan burok pondok² itu; dan jika ia, menerangkan sebab² maka lewat di-baiki dan di-ganti akan pondok² atap itu.

26. Enche' Ng Ann Teck: Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan bila-kah beliau agakkan akan mengatasi kepayahan² itu dan di-mulakan kerja².

27. Enche' V. Veerappen: Minta kapada Menteri Dalam menerangkan:

- (a) bilangan permohonan untuk kera'ayatan yang di-buat sa-hingga hari ini;
- (b) bilangan permohonan yang di-beri sijil kera'ayatan;
- (c) bilangan permohonan yang di-tolak;
- (d) bilangan permohonan yang di-luluskan, tetapi kemudian di-tarek balek.
- (e) sebab² maka di-tarek balek.

28. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menerangkan bilangan ranchangan² penyimpangan jalan yang di-mulakan dalam tahun 1958/59 yang telah di-tinggalkan, dan bilangan jambatan² yang terpaksa di-dirikan sa-mula di-sebabkan oleh kesalahan² teknikal.

29. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menerangkan samaada sistem microwave itu terator dan kemas perjalanan-nya dan menepati kehendak² mengikut sa-bagaimana yang di-harap²kan apabila Perdana Menteri mengisitiarkan pembukaan-nya.

30. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menerangkan dengan sa-jelas²-nya akan peruntukan yang telah di-masukan ka-dalam Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1960 bagi rumah baharu pekerja²: Terangkan mengikut Negeri dan jabatan² sa-bagaimana yang di-bawah ini:

1. Negeri :

Jabatan.	Bilangan-nya.	Peruntukan.
----------	---------------	-------------

31. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menerangkan dengan sa-jelas²-nya akan peruntukan yang di-masukan ka-dalam Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1960 bagi mengubah rumah² pekerja² Kerajaan mengikut masing² negeri dan jabatan mengikut sa-bagaimana yang di-tunjukkan di-dalam pertanyaan 30 di atas.

32. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menerangkan butir² (a) tentang perubahan rumah² Pekerja² Kerajaan yang telah di-laksanakan dan (b) rumah² baharu Pekerja² Kerajaan yang di-dirikan daripada tahun 1955-1959 mengikut masing² negeri dan jabatan menunjukkan bilangan²-nya dan juga harga²-nya.

33. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kewangan menerangkan samaada perbelanjaan Menteri Dalam pergi ka-Australia itu telah ditanggong oleh Kerajaan dan ada-kah Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan ka-atas keluarga-nya yang lain.

34. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kewangan menerangkan siapa-kah yang membayar perbelanjaan Menteri Dalam pergi ka-Hongkong dan berapa-kah jumlah-nya belanja yang telah di-keluarkan oleh Kerajaan kerana-nya di-waktu perjalanan-nya ka-Australia dan ka-Hongkong.

35. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kewangan menerangkan ada-kah Kerajaan akan menimbangkan ia-itu sangat-lah mustahak bagi kompeni² insurance asing mananamkan sa-kurang²-nya 50% daripada pendapatan tempatan-nya di-negeri ini.

36. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan berapa-kah bilangan permohonan² bagi mendirikan perusahaan baharu yang di-terima sa-sudah di-naikkan chukai minyak pembakar dan minyak diesel.

37. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kewangan menerangkan samaada Bank² di-Tanah Melayu telah melahirkan rasa ta' puas hati terhadap dasar² dan chara² Bank Pusat itu.

38. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Kewangan menerangkan jika Bank Pusat itu ada menanam modal dan negeri mana yang banyak sa-kali bahagian-nya dalam kumpulan wang daripada bank itu.